

23/10/2000

Formula 1: Malaysia raih laba RM1 bilion

SEPANG, Ahad - Perlumbaan berprestij dunia, Grand Prix Formula Satu Malaysia Petronas, pusingan akhir yang tamat di sini hari ini, dijangka dapat menjana RM1 bilion hasil tukaran asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jangkakan itu meningkat sekali ganda berbanding pulangan RM500 juta pada perlumbaan F1 yang pertama kali diadakan di sini tahun lalu.

Katanya, pertambahan itu berdasarkan peningkatan jumlah peminat F1 dari seluruh dunia yang membanjiri Litar Sepang sejak tiga hari lalu dan kenaikan harga bilik hotel.

"Pasti lebih daripada tahun lalu... mungkin berganda. Kita tengok sebelum perlumbaan bermula lagi, ramai dah sampai berkeliaran di Kuala Lumpur," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan pusingan akhir F1 musim ini di sini petang ini.

Dalam perlumbaan hari ini, Michael Schumacher, membuktikan keunggulannya apabila memenangi F1 musim ini, sekali gus memastikan Ferrari mempertahankan kejuaraannya.

Schumacher, yang menjadi juara dunia Ferrari yang pertama sejak 21 tahun di Jepun dua minggu lalu, mengalahkan pemandu McLaren, David Coulthard di tempat kedua dengan sembilan rekod kemenangan musim ini.

Dr Mahathir berkata, penonton tahun ini lebih ramai berbanding kira-kira 70,000 orang tahun lalu.

Katanya, kali ini jumlahnya melebihi 90,000 orang, malah jualan tiket saja mencecah 82,000 sebelum perlumbaan sehingga sesetengahnya masih berebut membeli tiket hari ini.

"Jumlah 90,000 ini bukan seperti bola sepak (stadium) kerana ada yang (tempat duduk (Grand Stand) ini berharga AS\$4,000 (RM15,200).

Katanya, beliau dimaklumkan bahawa hotel mengenakan harga bilik yang lebih tinggi berbanding tahun lalu.

"Dulu hotel kenakan harga biasa saja tetapi tahun ini bayaran penuh, mungkin ada yang lebih," katanya.

Dr Mahathir berkata, pelancong bukan saja menyaksikan perlumbaan itu tetapi turut melawat tempat lain di sekitar Kuala Lumpur dan ada yang tinggal beberapa hari selepas ini.

(END)